

01/09/2002

Penghantaran pulang pendatang Filipina ditangguh

Jamhariah Jaafar

SEPANG: Malaysia sedia menangguhkan urusan menghantar pulang pendatang tanpa izin Filipina, bagi membolehkan Manila menghantar wakil untuk meninjau keadaan di pusat tahanan pendatang tanpa izin di negara ini dan sekali gus melenyapkan dakwaan bahawa mereka menerima layanan buruk.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengesahkan menerima panggilan telefon daripada Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, berkata keputusan itu dibuat bagi memenuhi permintaan Arroyo, yang turut bersetuju bahawa semua warganya yang datang tanpa permit patut dihantar pulang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan langkah menghantar pulang pendatang tanpa izin terbabit akan diteruskan, selepas pemeriksaan dibuat oleh wakil Manila itu.

"Saya bersetuju kerana mereka ingin menghantar orang untuk melihat (keadaan). Saya berkata, anda boleh menghantar seseorang ke sini, tiada masalah untuk menangguhkan seketika penghantaran pulang.

"Selepas mereka datang dan berpuas hati kita tidak memberi layanan buruk, kita akan terus menghantar mereka pulang... tidak ada sebarang ketidakpersetujuan mengenai rancangan penghantaran pulang," katanya ketika ditemui selepas Perlumbaan Tahan Lasak Alaf Baru Merdeka, di sini, petang semalam.

Kelmarin, Arroyo berkata, beliau telah menelefon Dr Mahathir, dan kedua-dua mereka bersetuju terhadap beberapa isu penting termasuk dakwaan layanan buruk ke atas pendatang tanpa izin Filipina di Malaysia.

Hubungan Malaysia-Filipina tegang seketika berikutan ada dakwaan bahawa Malaysia memberi layanan buruk ke atas pendatang tanpa izin dari negara itu, dengan kedutaan Malaysia di Manila menjadi sasaran protes.

Dr Mahathir menegaskan, bagi pihak Malaysia semua dakwaan itu adalah tidak benar, justeru negara ini tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan,

"Penyelesaian (kepada isu ini) ialah membenarkan mereka meninjau sendiri keadaan di sana, tidak ada apa-apa yang hendak kita sembunyikan. Kita telah melayan mereka dengan baik sepanjang kehadiran mereka di negara ini," katanya,

Mengenai dakwaan bahawa ada pendatang terbabit sakit kerana diberi layanan buruk, Perdana Menteri berkata, rakyat negara itu telah sekian lama tinggal di negara ini dan soal mengenai sakit atau meninggal dunia di sini, bukanlah suatu perkara yang baru.

"Ini bukan satu fenomena yang boleh membuatkan mereka memprotes begitu sekali," tegasnya.

Sementara itu, Presiden Filipina mengesahkan beliau dan Dr Mahathir, sudah mencapai "persefahaman" mengenai cara untuk menyelesaikan krisis berhubung penghantaran pulang pendatang tanpa izin.

Arroyo dalam satu kenyataan semalam, berkata seorang pegawai khas akan dihantar ke Kuala Lumpur pada Isnin ini untuk membincangkan butirannya. Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan butirannya.

Presiden Filipina itu juga meminta rakyatnya bertenang dan tidak bertindak melulu berikutan ada laporan yang mengatakan pendatang tanpa izin Filipina yang dihantar pulang dikasari oleh pihak berkuasa Malaysia.

"Ada pihak yang sengaja mencari kesempatan daripada keadaan ini untuk menjejaskan hubungan kita dengan Malaysia," katanya.

Arroyo sebelum ini berkata, beliau akan menghantar bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos untuk mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, Ramos tidak mahu terburu-buru mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir.

Ramos dipetik oleh akhbar The Philippine Star semalam, sebagai berkata beliau tidak akan pergi ke Malaysia sehingga beberapa langkah persediaan untuk itu dimulakan oleh kerajaan Filipina.

Ini adalah reaksi Ramos kepada laporan media Filipina bahawa beliau akan dihantar oleh Arroyo sebagai "penyampai pesan peribadi" kepada Dr Mahathir berikutan dakwaan layanan tidak baik terhadap pendatang tanpa izin di Sabah.

Ramos yang berkata demikian dalam sidang akhbar yang diadakan di pejabatnya di bandar Makati di Manila berkata, adalah tidak kena untuk beliau ke Kuala Lumpur pada masa ini kerana pentadbiran Filipina tidak memulakan sebarang langkah untuk menangani isu itu.

Bagaimanapun, Setiausaha Akhbar Arroyo, Ignacio Bunye, berkata Ramos bukan enggan pergi, sebaliknya beliau sedang mencari masa yang sesuai.

Kebanyakan akhbar utama Filipina semalam melaporkan perbualan telefon antara Arroyo dengan Dr Mahathir tengah hari kelmarin bagi membincangkan isu penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina dari Sabah.

Kira-kira 64,000 rakyat Filipina sudah dihantar pulang manakala beribu-ribu lagi sedang menunggu giliran.